# MAJLIS MAKAN MALAM *Sempena*

# PENTAULIAHAN KOR SUKSIS SKUAD 2008 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS



**7 OKTOBER 2011**

**HOTEL PUTRA PALACE, KANGAR**

*Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan*

www.unimap.edu.my

# KATA ALUAN



## Zull Aznam Haron (SAC)
## Ketua Polis Perlis

Bismilahirrahmanirrahim

Assalamualaikomwarahmatolahiwabarakatoh

Marilah bersama-sama kita mengucap syukur kehadrat Allah swt kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-nya kita dapat menjayakan majlis makan malam sempena pentauliahan anggota Kor Siswa / Siswi (SUKSIS) UniMAP Skuad tahun 2008 pada malam ini.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua peringkat pengurusan Universiti Malaysia Perlis terutamanya kepada Naib Canselor UniMAP Y.Bhg. Brig Jen Dato Prof Dr Kamarudin bin Hussin kerana telah berjaya merealisasikan kewujudan Kor SUKSIS di Universiti ini. Kejayaan berkenaan membuktikan komitmen dan keupayaan tinggi pihak pengurusan universiti ini dalam melaksanakan transformasi pengurusan modal insan demi meningkatkan tahap kecemerlangan gedung ilmu yang termasyhur di negeri ini.

Saya juga merakamkan ucapan tahniah kepada semua kakitangan Kor SUKSIS UniMAP kerana telah berjaya menyusun tadbir unit ini dengan baik dan menepati matlamat penubuhan Kor SUKSIS. Syabas dan tahniah diucapkan kepada 49 anggota Kor SUKSIS Skuad tahun 2008 yang telah tamat latihan dan di tauliahkan sebagai inspektor kehormat sukarelawan PDRM pada 10 julai 2011. Semoga kejayaan yang dicapai setelah mengharungi pelbagai dugaan dan cabaran telah mematangkan anda sebagai warga IPTA warisan kepimpinan negara ini.

Akhir kata, terima kasih dan tahniah kepada semua individu yang telah menyumbangkan tenaga dan buah fikiran untuk menjayakan majlis ini.

Sekian:
Wabillahitaufikwalhidayahwassalamulaikomwarahmatolahiwabarakatoh

**ZULL AZNAM HARON (SAC)**
Ketua Polis Perlis

# KATA ALUAN



## Naib Canselor
## Universiti Malaysia Perlis

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, syukur ke hadhrat Allah SWT kerana perancangan majlis bersejarah ini terlaksana jua akhirnya. Terima kasih yang tidak terhingga saya titipkan buat pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) terutama Ketua Polis Perlis, SAC Zull Aznam Haron atas kesudian hadir ke Majlis Makan Malam Sempena Istiadat Pentauliahan Kor Sukarelawan Siswa Siswi (Suksis) pada malam ini. Semoga dengan kehadiran tuan dan delegasi PDRM ini akan mengeratkan lagi tali silaturrahim antara UniMAP dan PDRM, Insya Allah.

UniMAP sentiasa memberi penekanan terhadap pembentukan modal insan yang seimbang dan holistik terutama di kalangan pelajar. Ianya bertujuan untuk memastikan mereka benar-benar menjadi modal intelektual bermentaliti kelas pertama dengan memiliki ciri-ciri progresif serta mengutamakan nilai etika dan bermoral tinggi. Justeru, sebagai Naib Canselor UniMAP saya yakin dan percaya penerapan nilai ilmu dalam bidang ketenteraan atau kepolisan ini akan melatih dan mendidik pelajar menjadi lebih berdisiplin. Latar belakang, ilmu dan pengalaman yang dilalui dalam bidang ini secara tidak langsung akan mendidik kita menjadi seorang yang berani dalam menghadapi sebarang cabaran serta menepati masa.

Bagi saya, pengalaman yang anda lalui ini merupakan suatu pengalaman yang tidak dapat dikecapi oleh semua orang kecuali kepada mereka yang cekal, tekad dan kuat. Pelbagai pengalaman yang diperoleh samada dari segi kepolisan atau kepimpinan, diharap mampu memantapkan kecergasan minda, fizikal, rohani serta jasmani anda semua. Insya Allah, UniMAP akan terus komited untuk menambah bilangan keanggotaan mahasiswa dalam Kor Suksis UniMAP pada masa hadapan untuk membantu negara menangani jenayah yang mungkin berlaku demi menjaga keamanan dan kesejahteraan negara.

Sekian, Wassalam.

**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**
Naib Canselor UniMAP

# KATA ALUAN



## KOMANDAN KOR (SUKSIS) UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan limpah kurniaNya, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) berjaya menganjurkan Majlis Pertauliahan Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) UniMAP buat kali keduanya.

Pertama sekali izinkan saya untuk mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada para pelatih yang telah berjaya menamatkan latihan. Sesungguhnya kecekalan dan semangat juang yang anda tunjukkan selama tiga tahun ini sudah membuahkan hasil dan saya amat berbangga dengan pencapaian yang telah ditunjukkan anda semua. Sepanjang empat tahun penubuhannya, bilangan penyertaan dalam Kor SUKSIS UniMAP semakin bertambah dari tahun ke tahun, bermula dari hanya 55 anggota, kini jumlah keseluruhan anggota telah menjadi 181 orang. Ini membuktikan bahawa Kor SUKSIS UniMAP semakin menjadi pilihan di kalangan pelajar.

Saya berharap segala ilmu dan pengalaman yang ditimba sepanjang latihan ini akan dapat dimanfaatkan untuk kebaikan masyarakat ketika menempuh alam pekerjaan kelak, sekaligus dapat menaikkan nama UniMAP. Akhir kata, di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pihak Polis Di Raja Malaysia ( PDRM ) di atas kerjasama yang diberikan dalam membantu UniMAP mendidik anak bangsa menjadi insan berguna di masa hadapan.

Syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada semua Ahli Jawatankuasa Pelaksana yang terlibat dalam memastikan Majlis Pertauliahan Kor SUKSIS 2011 ini berjalan dengan lancar.

Sekian, Wassalam.

**ACP (KEHORMAT) PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Merangkap
Komandan Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS)
Universiti Malaysia Perlis



www.unimap.edu.my

# Pengenalan

## LATAR BELAKANG PENUBUHAN KOR SUKSIS UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

UniMAP telah mendapat kelulusan penubuhan Kor SUKSIS daripada Y.Dihormati Tan Sri Musa Hassan, Ketua Polis Negara pada 17 Julai 2006. Lanjutan daripada kelulusan tersebut, UniMAP telah mengadakan mesyuarat kali pertama bersama PDRM pada 8 Mac 2007. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Y.Bhg.Prof Dr. Ali Yeon Md Shakaff yang mewakili Naib Canselor dan Supt. Zainal Rashid Bin Adnan mewakili PDRM.

Justeru, UniMAP mengambil langkah proaktif dengan membuat perancangan dan persiapan fizikal mulai awal April 2007 di Blok 10 dan 12, Kolej Tan Sri Aishah Ghani, Wang Ulu. Pada 4 Julai 2007, pegawai – pegawai PDRM telah mengadakan taklimat pengenalan Kor Suksis kepada pelajar baru sidang Akademik 2007 / 2008 sempena Program Minggu Suai kenal yang bertujuan untuk menarik minat pelajar untuk menganggotai Kor SUKSIS.

Hasil daripada temuduga tersebut seramai 63 orang pelajar dengan kekuatan 2 platun yang terdiri daripada 44 lelaki dan 21 perempuan menyertai Kor SUKSIS. Bagi menjalankan urusan pentadbiran Kor SUKSIS seramai 10 anggota PDRM telah ditempatkan di Pejabat Kor SUKSIS UniMAP untuk melatih para pelajar. PDRM juga telah melantik seramai empat orang kakitangan di kalangan akademik dan pentadbiran untuk menjalankan perancangan Kor SUKSIS.

## Jumlah keseluruhan anggota Kor Suksis

1. Tahun 2009 - 55 orang terdiri 20 lelaki 35 wanitai
2. Tahun 2010 - 59 orang terdiri 24 lelaki 35 wanita
3. Tahun 2011 - 67 orang terdiri 28 lelaki dan 39 wanita

   Jumlah keseluruhan ialah 181 orang iaitu terdiri 72 lelaki dan 109 wanita.

## Sumbang Kor Suksis terhadap UniMAP adalah seperti berikut:

1. Terlibat dengan tugasan pendaftaran pelajar baru setiap tahun.
2. Terlibat dengan Konvoksyen UniMAP setiap tahun.
3. Terlibat dengan jamuan makan UniMAP bersama Raja Perlis.
4. Terlibat dengan minggu Kokurikulum UniMAP setiap tahun.
5. Terlibat dengan majlis-majlis dan acara-acara rasmi UniMAP.
6. Terlibat dengan Baktisiswa.
7. Gotong royong pembersihan Masjid Padang Besar Selatan
8. Khidmat masyarakat di rumah orang tua-tua.
9. Khidmat masyarakat di rumah anak-anak yatim
10. Khidmat masyarakat di Perkampongan KEDA, Ulu Legong Baling, Kedah.
11. Terlibat dengan majlis rasmi PDRM.

## PELATIH YANG TELAH DITAULIAHKAN

1. **Tahun 2010** seramai 57 orang terdiri 38 lelaki 19 wanita.

2. **Tahun 2011** seramai 31 orang terdiri 9 lelaki 22 wanita. 18 anggota Kor Suksis

Skuad 2008 iaitu 8 orang lelaki 10 orang wanita tidak dapat hadir pentauliahan kerana tidak dapat kelepasan daripada majikan semasa Latihan industri.

Kor Sukarelawan Polis Siswa / Siswi (SUKSIS) UniMAP telah ditubuhkan pada April 2007 setelah mendapat kelulusan daripada Ketua Polis Negara pada 17 Julai 2006 dan pengambilan anggota pelatih pada Julai 2007. Sekarang penubuhan Kor Suksis UniMAP telah menjangkau usia empat tahun dan buat masa ini seramai 163 orang telah mengikut Kor Suksis.

## OBJEKTIF

Sebagai sebuah badan menjalankan aktiviti kepolisan, Kor SUKSIS menggariskan beberapa objektif penubuhan, iaitu :-

- Memperkenalkan profesion yang menjanjikan kerjaya menarik dan mencabar dan sebagai barisan pelapis PDRM ;
- Memberikan pendedahan berkenaan bidang undang-undang dan penguatkuasaan dan bersikap lebih terbuka dengan disiplin kepolisan serta mematuhi perintah dan arahan;
- Menerapkan nilai disiplin kepolisan yang tinggi ;
- Mewujudkan kesedaran sivik dan sikap bertanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara sebagai pelajar yang berjaya dalam pengajian masing-masing;
- Membentuk kekuatan fizikal dan mental sekaligus personaliti yang cemerlang.

## ANUGERAH

ANUGERAH TAMAT LATIHAN & PENTAULIAHAN KOR SUKSIS IPTA 2010
ANUGERAH PELATIH KESELURUHAN TERBAIK
ANUGERAH PELATIH AKADEMIK TERBAIK
ANUGERAH PELATIH LATIHAN TERBAIK
ANUGERAH KOR SUKSIS UniMAP 2010
ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI
ANUGERAH KEPIMPINAN SUKSIS
ANUGERAH SAHSIAH TERPUJI
ANUGERAH SUKAN SUKSIS
ANUGERAH KHAS KOMANDAN (L)
ANUGERAH KHAS KOMANDAN (W)

## SENARAI NAMA ANGGOTA KOR SUKSIS SKUAD 2008

| BIL | NAMA | NO K/PENGENALAN |
|---|---|---|
| 1. | AHMAD SALAHUDDIN BIN AZHAR | 890528-43-5035 |
| 2. | BADRUL HISHAM BIN ABU BAKAR | 891120-14-5725 |
| 3. | LAI XUE WEI | 880102-08-5913 |
| 4. | LEE KOK LEONG | 870809-02-5413 |
| 5. | LIEW JI HWA | 881210-04-5235 |
| 6. | LIM JIE SHENG | 880405-10-5635 |
| 7. | LOW YONG CHIN | 880419-23-5115 |
| 8. | MOHAMAD ASYRAF BIN OTHMAN | 890725-08-6583 |
| 9. | MOHAMAD NASER BIN MOHAMAD ELIAS | 890205-02-5699 |
| 10. | MOHD HANIF BIN MUHAMMAD SHAH | 890831-14-5567 |
| 11. | MOHD NUR AIZUDDIN BIN MUHD ZIN | 900206-11-5393 |
| 12. | MUHAMAD ANAS B ZAN | 890706-08-5673 |
| 13. | MUHAMAD NURHADI BIN SALLEH | 891121-01-5543 |
| 14. | MUHAMAD ZULHASIF BIN MOKHTAR | 890825-03-5783 |
| 15. | NURULLAH BIN MOHAMED SHUKOR | 890911-07-5829 |
| 16. | RAJKUMAR A/L KADERASAN | 880914-56-5269 |
| 17. | SOBIRIN BIN MANSOR | 891008-02-6187 |
| 18. | ANGELINA ANAK HENRY WINNER | 890516-13-5174 |
| 19. | AUNI NAILI BINTI ISMAIL | 881016-01-6406 |
| 20. | FATEHA BINTI SHAHRIN | 890825-10-5358 |
| 21. | HAMIZAN BINTI HAMZAH | 891016-06-5450 |
| 22. | NOOR ATIKAH BINTI ABD. WAHID | 880515-30-5048 |
| 23. | NOOR JIHAN BINTI SJAHARUDDIN | 890321-01-5834 |
| 24. | NOR FAUZIYANA BINTI GHAZALI | 890720-02-5060 |
| 25. | NOR SUHAIDA BINTI SHAHABUDIN | 891204-02-5608 |
| 26. | NUR AINUN BINTI MOHD SAHAR | 880119-43-5510 |
| 27. | NUR ALYAA FATIHAH BTE ZAKARIA | 890518-14-5472 |
| 28. | NUR AMALINA BINTI MOHD JAMULUDDIN | 890425-14-5502 |

| BIL | NAMA | NO K/PENGENALAN |
|---|---|---|
| 29. | NUR AZREEN BINTI AHMAD PUAD | 890725-08-5046 |
| 30. | NUR FAZLYNA BINTI ZAINAL ABIDIN | 890311-12-5458 |
| 31. | NUR HIDAYATUL AIN BINTI ABDUL AZIZ | 880130-08-5072 |
| 32. | NUR HIDAYU BINTI IBRAHIM | 890420-03-5806 |
| 33. | NUR IZZATUL AKMAR BINTI MUHAMMAD ZAINI | 900208-03-5266 |
| 34. | NUR SYAZANA BT. RASZILAN | 891212-11-5160 |
| 35. | NURHADIJAH BINTI ZAINALABIDIN | 881208-06-5376 |
| 36. | NURNADIRAH BINTI MOHD RAZALI | 890525-03-5802 |
| 37. | NURUL AININA BINTI ZULKIFLI | 890301-11-5096 |
| 38. | NURUL ATIKAH BINTI ABDUL AZIZ | 881005-03-5150 |
| 39. | NURUL DIYANA BINTI MOHD | 880516-03-5246 |
| 40. | NURUL HAFIZAH BINTI RAMLI | 890921-03-5302 |
| 41. | RAMADHATUL AKMAL BINTI MOHAMAD | 890423-11-5190 |
| 42. | SALWA ASYIKIN BINTI SENIN | 890303-14-5176 |
| 43. | SITI AMNANI BINTI ABDUL RAHMAN | 900202-11-5038 |
| 44. | SITI HAJAR BINTI ADNAN | 890310-03-5880 |
| 45. | SITI HAWA BTE ABU BAKAR | 890715-23-5178 |
| 46. | SITI NADERAH BT. SULIN | 891214-12-6322 |
| 47. | SITI NURASIDAH BINTI AMIR | 890411-06-5632 |
| 48. | TUAN SYAZWANI BINTI TUAN ZARAHIM NAZRI | 890201-11-5494 |
| 49. | WAN WADIRA BINTI WAN MOHD YUSOFF | 890216-11-5120 |

# SENARAI NAMA YANG TERIMA ANUGERAH BAGI SKUAD 2008

## TERBAIK KESELURUHAN

KS 34072 Mohamad Naser Bin Mohamad Elias

## TERBAIK LATIHAN LUAR

KS 34096 Nur Amalina Binti Mohd Jamuluddin

## TERBAIK AKADEMIK

KS 34107 Nurul Diyana Binti Mohd

# ANUGERAH KHAS DARI UniMAP

## ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI (AAU)

KS 34091 Nor Suhaida Binti Shahabudin

## ANUGERAH KEPIMPINAN SUKSIS (AKS)

KS 34093 Nur Ainun Binti Mohd Sahar

## ANUGERAH SAHSIAH TERPUJI (AST)

KS34085 Auni Naili Binti Ismail

## ANUGERAH KHAS KOMANDAN (L) (AKK)

KS 34081 Rajkumar a/l Kaderasan

## ANUGERAH KHAS KOMANDAN (W) (AKK)

KS 34102 Nur Syazana Binti Raszlin

## ANUGERAH SUKAN TERBAIK (ASS )

KS 34804 Angelina ANAK Henry Winner

## AJK PROGRAM

| | | |
|---|---|---|
| Penaung | : | Y.Bhg Brig. Jen. Dato' Prof. Dr Kamarudin Hussin<br>YDH SAC Zull Aznam Haron |
| Penasihat | : | ACP Kehormat Prof. Dr Zul Azhar bin Zahid Jamal<br>Supt. Suressh Kumar A/L G. Suppiah |
| Pengerusi Bersama | : | SUPT Kehormat Prof Madya Dr. Khairul Nizar Ismail<br>DSP Kehormat Zuber b. Hj. Mohamad |
| Setiausaha I | : | ASP Kehormat Mohamad Nuzaihan Md. Nor<br>C/Insp. Tan Kim Por |
| Setiausaha II | : | ASP Kehormat Rohazita bt. Bahari |
| Bendahari | : | SM Meryah bt. Ghazali |
| AJK Tugas-Tugas Khas | | |
| Pengacara Majlis (L) | : | Raja Shah Erman |
| pengacara Majlis (P) | : | |
| Bacaan Doa | : | |
| AJK Jemputan & Protokol | : | En Mustafa Ismail (PRO UniMAP) |
| AJK Program / Aturcara | : | Cik Syahiza Hamzah (Jab. Canselori) |
| Majlis / Buku Program | : | Kpl. Ismail Azuddin<br>En. Bimazlim Bidin (Unit Komunikasi Korporat) |
| AJK Multimedia | : | Cik Noordini Idrus<br>Sjn. Sobri Baharom |
| AJK Siaraya | : | Pn. Alma Azizah<br>Kpl. Ahmad Akhir Johari |
| AJK Sambutan | : | Prof. Madya Lt. Kol. (B) Azuddin Bahari<br>Sjn. Redzwan Hashim |
| AJK Keselamatan | : | En. Nor Azmi Hj. Johari<br>Kpl Hilmi Ahmad |
| AJK Media | : | Pn. Suhana bt. Abdul Mutalib<br>Kpl. Adam Isahak |
| AJK Teknikal | : | Prof. Madya Mazlan Abd. Hamid<br>Sjn. Kamal Shaari |
| AJK Makanan | : | Pn Mazmin Mat Akhir<br>L/Kpl/S Ahmad Shahbudin Zainun |
| AJK Cenderamata | : | L/Kpl. Mursyihan bt. Mohd. Zain |

# SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN

Ketua Polis Perlis

Naib Canselor UniMAP

Komandan Kor SUKSIS UniMAP

Pegawai-Pegawai Kehormat UniMAP

Penyelaras Kor SUKSIS UniMAP

Jurulatih-jurulatih Kor SUKSIS

Pejabat Naib Canselor

Jabatan Pembangunan

Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan

Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani

Hal Ehwal Awam, IPK Perlis



## WAWASANKU

**Universiti Malaysia Perlis**
**Alam Kejuruteraan**
**Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan**
**Wawasan Jiwa Kita**

**Berdikari, Rohaniah**
**Berteknologi**
**Pemimpin Berbestari**
**Untuk Bangsa, Insan dan Umat Dunia**
**Negara Yang Tercinta**

**Universiti Malaysia Perlis**
**Alam Kejuruteraan**
**Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan**
**Wawasan Jiwa Kita**

## SEMANGAT UniMAP

**Visi Universiti Visi Berintegriti**
**Dinamik Bangsa Berinteraksi**
**Visi Kita Semua Membina Jiwa Minda**
**Sama Semangat Untuk Negara (2x)**

**Visi Cemerlang Gemilang Terbilang! (2x)**

**UniMAP...!!!**

# POLIS BERKHIDMAT

Polis Sedia Berkhidmat
Kerana Negeri dan Rakyat
Hidup Berbahagia, Aman Sentosa
Polis Sedia Berkhidmat (2x)

Tanda Lekat Di Lengan
Polis Dengan Pereman
Tangan Bersalaman
Alamat Persahabatan

Polis Sedia Berkhidmat
Kerana Negeri dan Rakyat
Hidup Berbahagia, Aman Sentosa
Polis Sedia Berkhidmat

**MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA PERTAULIAHAN KOR SUKSIS SKUAD 2008 - UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

**7 Oktober 2011 (Jumaat)**
**Kayangan Ballroom, Hotel Putra Palace, Kangar, Perlis**

**Atur Cara Tentatif :**

| | | |
|---|---|---|
| 8.15 malam | – | Pelatih Mengambil Tempat |
| 8.30 malam | – | Ketibaan Ketua Jabatan UniMAP, Pegawai Utama Universiti & Pegawai Kanan PDRM |
| 8.35 malam | – | Ketibaan Komandan Kor SUKSIS UniMAP<br>YDH ACP / KS Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal & Isteri |
| 8.40 malam | – | Ketibaan Naib Canselor UniMAP<br>Y. Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin & Isteri |
| 8.45 malam | – | Ketibaan Ketua Polis Perlis<br>YDH Zull Aznam Haron & Isteri |
| | - | Lagu Negaraku & WAWASANKU |
| | - | Persembahan SMD |
| | - | Persembahan Multimedia |
| | - | Ucapan Aluan oleh Y. Bhg. Naib Canselor UniMAP |
| | - | Ucapan YDH Ketua Polis Perlis |
| | - | Jamuan Makan Malam diiringi Persembahan |
| | - | Penyampaian Sijil Pertauliahan & Cenderahati |
| | - | Lagu Semangat UniMAP & Polis Sedia Berkhidmat |
| | - | Majlis Bersurai |

*Pakaian* - *Lounge Suit Warna Hitam (Bertali Leher UniMAP)*

www.unimap.edu.my